

02 AUG 1999

Mahathir-Barisan

MAHATHIR ARAH SETIAP KOMPONEN BN PASTIKAN AHLI UNDI BN

IPOH, 2 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengarahkan setiap pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) terutama di bahagian dan cawangan supaya memastikan setiap orang daripada sejumlah lebih empat juta anggota parti itu dan penyokong mereka mengundi BN pada pilihan raya umum akan datang.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN mahu pemimpin-pemimpin bahagian bertemu dengan setiap anggota mereka di peringkat akar umbi untuk mengetahui kedudukan dan pendirian mereka.

Beliau juga mahu pemimpin berkenaan bertemu dengan setiap kenalan atau penyokong yang bukan anggota parti masing-masing di kawasan pilihan raya mereka untuk mengetahui pendirian golongan itu dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul.

Selepas itu setiap pemimpin tertinggi parti komponen BN harus mengemukakan laporan lengkap mengenai hasil usaha tersebut kepada beliau, kata Dr Mahathir yang juga Presiden Umno pada perjumpaan dengan pemimpin BN Negeri petang ini. Beliau sedang melakukan lawatan dua hari ke negeri ini mulai hari ini.

"Saya akan memberi masa kepada tuan-tuan, tetapi tidaklah terlalu banyak masa (untuk menemui anggota parti untuk mengetahui sokongan mereka)," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir menimbulkan suspen apabila beliau secara berseloroh berkata beliau ingin mengumumkan pada majlis itu bilakah pilihan raya umum akan diadakan.

Beliau kemudian berkata dengan nada serius: "Saya tidak boleh jamin saya tidak akan memanggil pilihan raya esok, sebulan lagi atau lima bulan lagi.

"Setiap komponen mesti bekerja kuat dari sekarang untuk memastikan kemenangan BN."

Dr Mahathir berkata komponen-komponen BN tidak boleh hanya setakat berbangga mempunyai lebih empat juta anggota dengan Umno lebih 2.7 juta, MCA (800,000), Gerakan (280,000) dan MIC (510,000).

"Kalau ikut jumlah pengundi berdaftar sebanyak 11 juta, hampir separuh daripada mereka nampaknya kepunyaan BN, tapi saya ingin memberi amaran jangan fikir semua ahli akan mengundi dan kalau mengundi tidak semestinya mengundi kita," tegas beliau.

Dr Mahathir mengeluarkan arahan yang sama kepada pemimpin Pemuda dan Wanita Umno pagi ini semasa berucap pada majlis pertemuan dengan pemimpin-pemimpin Pemuda dan Wanita Umno Perak di sini.

Dr Mahathir juga sebelum itu berkata kegawatan ekonomi yang melanda negara dan kejayaan kerajaan BN memulihkan ekonomi tanpa menyerah kepada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF), merupakan satu pengalaman yang membuktikan perlunya Malaysia mempunyai kerajaan yang kuat.

Katanya sekiranya kerajaan BN tidak menguasai lebih dua per tiga kerusi di Parlimen dan tidak kuat, ia tidak mungkin dapat melaksanakan keputusan yang kini terbukti telah menyelamatkan ekonomi negara.

"Kerajaan yang lemah tidak boleh membuat keputusan yang tidak popular seperti menaikkan cukai dan sebagainya. Sesebuah kerajaan tidak boleh berasa takut untuk membuat keputusan, popular atau sebaliknya, yang penting keputusan harus memberi kebaikan kepada negara," katanya.

Dr Mahathir berkata walaupun pihak asing meningkatkan tekanan terhadap Malaysia supaya tunduk kepada IMF, kerajaan dengan sokongan lebih 80 peratus anggota Parlimen tidak jatuh bahkan dapat merumuskan kaedah untuk mengatasi tekanan luar.

"Kita juga berjaya menutup CLOB supaya mereka tidak boleh lagi memainkan saham kita. Kita boleh melakukan ini kerana sokongan kuat di belakang BN," katanya.

"Tanpa sokongan ahli, kita tidak mungkin dapat menentang seluruh dunia, malah tidak ada satu negara pun yang percaya kita dapat melakukannya," katanya.

Bagaimanapun oleh kerana Malaysia mempunyai kerajaan yang kukuh, ekonomi negara dapat dipulihkan lebih cepat daripada negara-negara lain yang turut dilanda kegawatan, kata beliau.

Dr Mahathir berkata kerajaan mengambil tindakan mengatasi kegawatan ekonomi tanpa nasihat orang asing termasuk pakar ekonomi Paul Krugman yang mendakwa kawalan kewangan terpilih yang dilaksanakan kerajaan, dibuat ekoran nasihatnya.

Beliau berkata walaupun pakar ekonomi itu menulis artikelnya dua minggu sebelum Malaysia memperkenalkan langkah tersebut September tahun lepas, sebenarnya kerajaan telah merancang tindakan berkenaan enam bulan sebelum itu.

"Kita membahaskannya cukup lama. Ada orang bawa 32 alasan mengapa kawalan kewangan tidak harus dilaksanakan, kita membahaskannya dan menolaknya satu persatu," kata beliau.

Perdana Menteri turut menjelaskan kebaikan sistem perkongsian kuasa yang diamalkan oleh BN sejak Merdeka dan bagaimana sistem itu telah berjaya mengatasi masalah jurang ekonomi antara kaum tanpa menimbulkan ketegangan kaum.

Katanya banyak negara berbilang kaum malahan negara yang cuma satu kaum tetapi berbeza agama menghadapi rusuhan dan perang saudara, tetapi Malaysia terselamat daripada bencana itu kerana sistem BN tidak merampas hak mana-mana kaum tetapi membesarkan "kek ekonomi" untuk dikongsi oleh semua kaum.

"Ini kerajaan yang sentiasa berfikir, bukan yang hendak kerusi dan menang pilihan raya semata-mata," katanya.

-- BERNAMA

ZKS HJ NMO